

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT ("T&S") KEMPEN PEMEROLEHAN KAD PERNIAGAAN SME CIMB 2023

1. "Kempen Pemerolehan Kad Perniagaan SME CIMB" ("**Kempen**") adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("Bank atau "kami").

### Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari **6 Oktober 2023 hingga 31 Mac 2024**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**") melainkan kami memaklumkan anda akan apa-apa pertukaran.

### Kelayakan

3. Kempen ini hanya terbuka kepada pelanggan baharu kepada Bank yang:
  - i) memegang Kad Perniagaan SME CIMB ("**Kad Layak**"); dan
  - ii) telah mengaktifkan Kad Perniagaan SME CIMB sebelum 31 Mei 2024;("Peserta Layak").
4. Orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini:
  - i) pelanggan individu; dan/atau
  - ii) pelanggan yang mana Kad Perniagaan SME CIMB dan/atau akaun CA/CA-i yang dipegangnya berada dalam kedudukan tidak baik (sepertimana yang ditentukan oleh Bank) atau tidak aktif, atau yang mana Kad Perniagaan SME CIMB yang dipegangnya ditanda bersama dengan akaun CA/CA-i yang telah ditutup atau tidak aktif semasa Tempoh Kempen.

### Terma-Terma Penyertaan

5. Tertakluk kepada T&S di sini, Peserta Layak mestilah melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Runcit (seperti yang ditakrif di bawah) pada atau sebelum 30 Jun 2024 ("**Peserta Berjaya**").
6. Untuk tujuan T&S di sini, Transaksi Runcit bermaksud sebarang perbelanjaan yang dilakukan dengan Kad Layak oleh Peserta Layak pada atau sebelum 30 Jun 2024.
7. Untuk mengelakkan keraguan, perkara-perkara berikut **TIDAK** akan dianggap sebagai Transaksi Runcit untuk tujuan Kempen ini:
  - i) Pembayaran bil yang dilakukan melalui JomPAY; dan/atau
  - ii) Ansuran yang dibayar di bawah Pelan Pembayaran *CIMB Flexi* atau *CIMB Easy Pay* pada kadar 0%; dan/atau
  - iii) Transaksi yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik; dan/atau
  - iv) Transaksi yang dipertikaikan, tidak diberi kuasa atau penipuan.

### Ganjaran Kempen

8. Peserta Berjaya layak untuk dianugerahkan dengan maksimum satu (1) Kad Hadiah *Plaza Premium Lounge* Percuma bernilai RM388 ("**Kad Hadiah**") dalam bentuk kad hadiah elektronik semasa Tempoh Kempen, tertakluk kepada had lapan ratus (800) unit Kad Hadiah sepanjang Tempoh Kempen dan atas dasar tiba dahulu, layan dahulu.
9. Setiap Kad Hadiah layak mendapat dua (2) kali akses ke mana-mana *Plaza Premium Lounge* di Malaysia. Kad Hadiah akan tamat tempoh pada 31 Disember 2025.

10. Kad Hadiah akan dianugerahkan kepada Peserta Berjaya melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") dalam 12 minggu dari 30 Jun 2024. SMS tersebut akan mengandungi gabungan Nombor Pas dan Kod Pengaktifan *Plaza Premium Lounge*. Peserta Berjaya kemudiannya dikehendaki untuk mengikuti langkah-langkah di bawah untuk menebus Kad Hadiah:
- Muat turun app *Smart Traveller* di *Apple App Store* atau *Android Play Store*;
  - Buka akaun di app *Smart Traveller*;
  - Setelah berjaya membuka akaun, klik pada ikon "Menu" di penjuru kanan sebelah bawah skrin utama app *Smart Traveller*; dan
  - Klik pada ikon "Aktifkan *PPL/ST Pass*" dan teruskan dengan memasuki Nombor Pas dan Kod Pengaktifan *Plaza Premium Lounge* untuk mengaktifkan Kad Hadiah *Plaza Premium Lounge*.
11. Kad Hadiah tidak boleh dipindah milik sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya. Bank tidak akan layan apa-apa permintaan dari mana-mana Peserta Berjaya atau mana-mana orang lain jua untuk memberikan atau memindah milik Kad Hadiah kepada mana-mana pihak ketiga.
12. Akaun kad CIMB Peserta Berjaya mestilah sah dan mestilah berada dalam kedudukan baik (sepertimana yang ditentukan oleh Bank, atas budi bicaranya), termasuk selepas Tempoh Kempen, dan/atau untuk kelayakan Kad Hadiah. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, Peserta Layak membatalkan Kad CIMB atas apa-apa sebab jua, penyertaannya dalam Kempen akan menjadi batal dan tidak sah serta-merta.
13. Dalam keadaan di mana apa-apa Kad Hadiah dianugerahkan kepada dan diterima oleh orang yang:
- bukan merupakan Peserta Berjaya; atau
  - merupakan Peserta Berjaya tetapi melakukan tindakan penipuan atau salah berkenaan dengan kad kredit/debit mereka dan/atau apa-apa transaksi yang dibuat di bawahnya,
- Bank berhak untuk melucut kelayakan orang tersebut daripada menyertai Kempen pada bila-bila masa dan Kad Hadiah akan dilucuthakkan.
14. Akaun kad kredit Peserta Berjaya MESTILAH sah dan diaktifkan, MESTILAH dalam kedudukan baik dan MESTILAH TIDAK memungkirkan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB dan/atau Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan MESTILAH TIDAK menjadi tidak sah, dibatalkan atau ditamatkan mengikut definisi Bank pada masa penghantaran Kad Hadiah, jika tidak Peserta Berjaya akan dilucut kelayakan daripada menerima Kad Hadiah dan tidak akan layak untuk apa-apa pampasan.
15. Ia adalah tanggungjawab sepenuhnya Peserta Berjaya untuk memastikan bahawa nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat ("**Butiran Perhubungan**") mereka yang diberikan kepada Bank adalah terkini. Bank berhak untuk melucut hak Kad Hadiah sekiranya Butiran Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod Bank adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.

#### **Terma-Terma & Syarat-Syarat Am**

16. Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju bahawa perkara-perkara berikut akan diguna pakai:
- T&S di sini; dan
  - terma-terma dan syarat-syarat bagi produk/perkhidmatan kami berkaitan dengan Kempen ini.

Jika Bank mendapati bahawa anda memungkirkan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini, Bank mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan anda daripada Kempen ini dan Bank akan memaklumkan anda tentang kelucutan kelayakan anda.

17. Anda bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Bank berkaitan Kempen ini adalah muktamad.
18. Kami boleh menukar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan T&S di sini. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa 21 hari selepas kami memaklumkan anda dalam mana-mana cara berikut:
- (a) melalui pos kepada alamat terakhir anda yang diketahui;
  - (b) melalui e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain, termasuk khidmat pesanan ringkas (SMS) ke nombor perhubungan atau alamat e-mel terakhir anda yang diketahui; atau
  - (c) dengan menerbitkan di mana-mana cawangan kami atau di laman web kami di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my).

Jika perubahan itu diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, regulasi, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan, kami akan memberitahu anda tentang perubahan tersebut secepat mungkin.

19. Melainkan disebabkan oleh keingkaran yang diakibatkan oleh Bank, anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, ganti rugi atau kos ("**Kerugian**") yang anda atau orang lain tanggung berkaitan dengan Kempen ini. Mana-mana liabiliti kami tidak akan termasuk apa-apa kehilangan keuntungan, kerugian berbangkit, kerugian ekonomi atau kerugian spekulatif.
20. Jika kami tidak menggunakan hak yang kami ada menurut T&S di sini, ia tidak menghalang kami daripada menggunakan hak tersebut atau sebarang hak lain yang kami ada pada masa hadapan.
21. Anda memahami bahawa kami akan memproses (termasuk mengumpul, merakam, memegang, menyimpan atau mengongsi) data peribadi anda and data peribadi mana-mana individu yang mungkin anda kongsi dengan kami ("**Data**") untuk tujuan Kempen ini. Anda bersetuju, dan mengesahkan bahawa anda mempunyai persetujuan individu tersebut, untuk kami memproses Data mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh terdapat di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)). Ia adalah penting bahawa Data dalam rekod kami adalah dikemas kini. Jika apa-apa Data yang anda berikan kepada kami telah ditukar atau jika individu tersebut kemudiannya tidak bersetuju dengan pemprosesan Datanya, sila maklumkan kami secepat mungkin.

Anda bersetuju bahawa anda akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai kerajaan, fi atau sebarang caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.

T&S di sini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Di samping itu, T&S di sini juga tertakluk kepada Peraturan Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa kawal selia yang lain.

22. T&S di sini juga tersedia dalam Bahasa Malaysia. Jika anda memahami Bahasa Malaysia dengan lebih baik, anda boleh meminta daripada kami versi Bahasa Malaysia bagi T&S ini di sini (jika belum diberikan) dan maklumkan kami jika anda menghendaki versi Bahasa Malaysia bagi T&S di sini diguna pakai untuk anda.
23. Laman web kami mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). Kami tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika anda mengklik pada Pautan Pihak Ketiga, anda memahami bahawa anda mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko anda sendiri dan kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang Kerugian yang mungkin anda alami.

**Pertanyaan dan Aduan**

24. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan berkaitan dengan Kempen ini, sila menghubungi kami di talian 1300-888-828 atau secara bertulis di [mybusinesscare@cimb.com](mailto:mybusinesscare@cimb.com).
25. Jika produk/perkhidmatan berkaitan dengan Kempen ini yang dilanggan anda adalah ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang soalan yang anda ada akan diuruskan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic, sebarang persoalan anda akan dikendalikan oleh CIMB Islamic.
26. Jika anda mempunyai apa-apa aduan, anda boleh memaklumkan kami dengan menghubungi kami di: Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan (Tel: 03-6204 7788; E-mel: [CRU@cimb.com](mailto:CRU@cimb.com)) dan kami akan berusaha untuk mengendalikan masalah anda dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar selepas aduan diterima atau dalam tempoh yang lebih lama seperti yang dimaklumkan oleh Bank secara bertulis. Jika anda masih tidak berpuas hati dengan hasil pengendalian di atas, anda boleh menghubungi Skim Ombudsman Kewangan di 03-2272 2811 atau [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my), mana yang berkenaan, untuk semakan semula bebas keputusan yang dibuat oleh kami.